



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 60 / 2019

PENGUNDI PARLIMEN P.186 SANDAKAN DISERU KELUAR MENGUNDI PADA 11 MEI 2019 (SABTU)

1. Seramai 39,684 orang daripada 39,856 orang pengundi biasa layak mengundi pada Sabtu, 11 Mei 2019. Daripada jumlah tersebut seramai 172 orang telah mengundi secara pos.
2. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pengundi berkenaan supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi pada Sabtu ini.
3. Para pengundi adalah dinasihatkan agar merancang masa dan keluar pada awal pagi serta tidak memilih untuk keluar mengundi di saat-saat akhir walaupun waktu mengundi telah ditetapkan dari jam **7.30 pagi hingga 5.00 petang**.
4. Bagi pengundi yang telah menerima Kad Pengundi (*Voter's Card*) atau yang telah mengetahui maklumat pengundian, mereka boleh terus ke saluran mengundi dan tidak perlu lagi membuat semakan di barung semakan SPR.
5. Manakala, bagi pengundi yang tidak menerima *Voter's Card* kerana kemungkinan telah berpindah atau belum mengetahui maklumat pengundian, mereka disaran agar membuat semakan lebih awal sebelum hari mengundi. Semakan boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut:
 - a) layari **portal rasmi SPR** di www.spr.gov.my; atau
 - b) telefon ke talian **03-88927018**; atau
 - c) menyemaknya melalui aplikasi **MySPR Semak**; atau
 - d) **SMS ke 15888 (taip SPR<jarak>SEMAK<jarak>NO.KAD PENGENALAN)**

6. Semasa membuat semakan, pengundi disaran untuk mencatat dan menyimpan maklumat-maklumat berikut:

- a) **pusat mengundi**
- b) **saluran mengundi**
- c) **nombor bilangan pemilih**

7. Pengundi diingatkan supaya membawa **kad pengenalan** dan ***Voter's Card*** atau **catatan maklumat pengundian** serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran. *Voter's Card* dan catatan maklumat pengundian itu akan memudahkan KP1 untuk membuat semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada hari mengundi.

8. Selain itu, pengundi juga dinasihatkan supaya tidak menyerahkan kad pengenalan mereka kepada pihak lain selain daripada petugas pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 8 Mei 2019 / 3 Ramadhan 1440H